



**SCHOOL OF EDUCATION,
FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA 81310 UTM JOHOR
BAHRU, JOHOR MALAYSIA
UHS1022-43
(FALSAFAH DAN ISU SEMASA)**

ASSIGNMENT:

SPEKULASI PENGETAHUAN KESIHATAN DALAM MASYARAKAT MODEN

NAMES	STUDENT ID	SECTION
Anith Raudhah Binti Abd Aziz	(A20HP0028)	43
Amirah Binti Mohd Zakuan	(A20HP0022)	43
Norshalin Binti Samat	(A20HP0155)	43
Muhammad Syazwan Bin Mat Sidik	(A20HP0135)	43
Mohamad Haikal Bin Sadri	(A20HP0078)	43

LECTURER'S NAME:

DR. BADLIHISHAM BIN MOHD NASIR

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	2
TEORI	2
ISU SEMASA	3
• Pergerakan kumpulan anti-vaksin	3
• Peranan doula sama seperti doktor sakit puan	3
• Penularan berita palsu tentang Covid-19	3
CABARAN	3
• Perkembangan media massa	3
• Kepercayaan tradisional dan adat	3
• Sikap individu yang kurang cakna akan fakta-fakta	4
• Masih kurang ilmu pengetahuan tentang sains	4
IMPLIKASI	4
PROJEK (VIDEO)	6
STORYBOARD	6
DAPATAN KAJIAN	6
• Isu pergerakan kumpulan anti-vaksin	6
• Peranan doula sama seperti doktor sakit puan	9
• Penularan berita palsu tentang Covid-19	10
KESIMPULAN	12
RUJUKAN	13

PENDAHULUAN

Pengetahuan merujuk kepada kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara, yang mana ia merupakan kefahaman sistematik dan diusahakan secara sedar. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (n.d.), ilmu ialah segala yang diketahui atau yang dipelajari tentang sesuatu perkara. Dalam pada itu, ilmu juga sebahagian daripada aspek kognitif yang terdapat dalam diri manusia. Maka dengan itu, ilmu adalah berkaitan dengan aspek kognitif manusia yang lain seperti pengetahuan, pengalaman dan perasaan. Selain itu, ilmu juga mempunyai pelbagai ciri seperti ilmu yang boleh dipertutur, yang mempunyai nilai kebenaran, diperoleh objektif, diperolehi melalui kajian dan yang sentiasa berkembang.

Walaupun bagaimanapun, dalam sesuatu pencarian ilmu pengetahuan atau maklumat itu mestilah menggunakan kaedah yang tepat bagi memastikan pengetahuan itu sahih dan tidak direka semata-mata. Hal ini kerana telah banyak informasi palsu yang telah tersebar luas di laman-laman sosial tanpa kawalan seperti berita-berita palsu mengenai spekulasi fakta kesihatan. Perkara seperti telah memberi satu impak negatif yang besar terhadap perkembangan masyarakat di negara ini. Menurut Utusan Borneo Online (2017), pengetahuan kesihatan amat penting dalam masyarakat bagi meningkatkan kesedaran orang ramai pentingnya mengamalkan cara hidup sihat dan cara betul menjaga kesihatan diri. Tetapi dengan menghadapi masalah penyebaran berita palsu dan tidak berasaskan fakta, segelintir masyarakat akan mudah mempercayai dan turut menyebarkan pengetahuan palsu tersebut.

KONSEP

Pengetahuan merangkumi pelbagai ciri ilmu yang menjadi satu kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara bagi menentukan sesuatu perkara itu adalah benar atau palsu dan baik atau buruk

TEORI

Mengkaji masyarakat moden dan reaksi mereka dalam memperoleh sesuatu pengetahuan kesihatan serta mencari sejauh manakah ilmu-ilmu mempengaruhi persepsi mereka terhadap ilmu-ilmu tersebut

ISU SEMASA

1. Pergerakan kumpulan anti-vaksin

Anti-Vaxxer percaya bahawa vaksin membawa kesan negatif kepada anak-anak mereka dan mendorong masyarakat ke arah penghapusan vaksin. Masalah ini mencetuskan ketakutan dan kegelisahan di kalangan masyarakat mengenai vaksin Covid-19 yang akan datang. Bagaimana kita dapat meyakinkan Anti-Vaxxer mengenai manfaat vaksin?

2. Peranan doula sama seperti doktor sakit puan

Majoriti orang di Malaysia telah salah faham bahawa peranan doula sama dengan doktor dan bidan terlatih. Persepsi ini telah mengelirukan sebahagian wanita hamil untuk memilih doula berbanding pakar obstetrik dan mungkin mengalami komplikasi semasa melahirkan. Sejauh mana pengetahuan ibu hamil mengenai keselamatan melahirkan anak?

3. Penularan berita palsu tentang Covid-19

Beberapa ahli teori konspirasi percaya bahawa virus Covid-19 direka sebagai senjata bio dan beberapa orang berpengaruh telah mendakwa, tanpa bukti yang mencukupi, bahawa orang ramai tidak perlu mengambil langkah berjaga-jaga walaupun dinasihatkan oleh WHO. Bagaimana untuk menolak dakwaan mereka yang mengatakan bahawa Covid-19 adalah konspirasi?

CABARAN

1. Perkembangan media massa

Perkembangan dunia digitalisasi serta dunia tanpa sempadan harini sedikit sebanyak menyumbang kepada mudahnya penularan berita palsu. Perkembangan bilangan pengguna dalam media massa yang semakin meningkat juga menyebabkan usaha untuk menapis maklumat juga sukar dalam mengawal penyebaran maklumat.

2. Kepercayaan tradisional dan adat

Pengaruh yang kuat dalam kepercayaan adat tradisi dan cara tradisional menyebabkan segelintir masyarakat sukar untuk menerima pembaharuan serta pandangan dalam dunia perubatan moden. Mereka juga lebih memilih cara tradisional tanpa bantuan atau nasihat daripada pakar khususnya dalam

perubatan serta tidak mengambil kira risiko yang akan ditanggung di kemudian hari.

3. Sikap individu yang kurang cakna akan fakta-fakta

Sikap masyarakat pada hari ini juga yang ingin sentiasa berlumba-lumba serta sentiasa ingin menjadi orang pertama menyebabkan mereka kurang cakna dalam menyemak dahulu kesahihan fakta yang ingin dikongsi.

4. Masih kurang ilmu pengetahuan tentang sains

Segelintir masyarakat mempunyai tahap pengetahuan yang rendah dalam bidang sains seperti bidang perubatan. Ini menyebabkan mereka untuk bertindak luar dari bidang mereka dan golongan ini juga lebih mudah untuk mempercayai sesuatu berita atau artikel yang dibaca di laman media sosial mereka.

IMPLIKASI

Pada era pandemik Covid-19 ini, kita boleh melihat bagaimana berita palsu berjaya membuat kekeliruan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum in Malaysia. Ketika masyarakat dunia berusaha menangani cabaran itu dan bakal menghadapi kemelesetan ekonomi, kita juga terpaksa berdepan dengan 'pandemik' baharu, iaitu penularan berita palsu dan maklumat tidak tepat. Antara contoh yang diambil dari luar negara ialah kisah seorang rakyat Amerika Syarikat (AS) yang meninggal dunia selepas mengambil sejenis *chloroquine* yang digunakan untuk membersihkan tangki ikan, kerana beranggapan boleh mengubati COVID-19. Satu kajian menganggarkan kira-kira 800 orang di seluruh dunia dilaporkan meninggal dunia akibat berita palsu berkaitan COVID-19 seperti mengambil 'ubat' mengandungi methanol atau bahan peluntur. Tidak lupa juga di India apabila kenyataan palsu sesetengah netizen yang tidak bertanggungjawab telah meragut 30 nyawa di negara tersebut akibat meminum *Hand Sanitizer* untuk digantikan dengan alkohol

Jika kita melihat dari sudut tanahair kita, bilangan pengguna internet adalah sangat tinggi, iaitu kira-kira 87 peratus daripada jumlah penduduk. Namun, ini tidak bermaksud pengguna mempunyai ilmu dalam mengguna internet dengan lebih peka dan berwasapada kerana ramai tidak tahu cara membezakan fakta sah dengan berita palsu. Kenyataan dari pihak polis dalam banteras "*cyber bully/fake news*" terpaksa membuka 270 kertas siasatan berkaitan perkongsian berita palsu COVID-19 dan 19 kes dibawa ke mahkamah. Pada masa sama, Pasukan Respon Pantas Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menafikan dan menjelaskan 388 berita palsu. Ini menunjukkan kita tidak sedar perkongsian seperti ini boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku kita serta mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dan negara. Sebagai contoh, laporan mengatakan ada

perniagaan mengalami penurunan jualan 80 peratus selepas berita palsu mengenai pekerja atau pelanggan mereka dikatakan positif COVID-19 menjadi tular. Tidak lupa juga dengan kenyataan palsu yang dikeluarkan oleh seorang pengguna Facebook yang memberi maklumat palsu dan tidak tepat tentang arahan kawalan pergerakan yang telah mengakibatkan fenomena *panic buying* dalam kalangan masyarakat. Kajian dijalankan oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) menunjukkan 70 peratus daripada 363 berita palsu berkaitan tindakan kerajaan dalam menangani COVID-19 dan penularan virus dalam kalangan komuniti. Antara contoh berita palsu yang dikemukakan ialah penyebaran maklumat peribadi mengenai pesakit yang masih dalam siasatan serta belum ditentukan lagi sama ada positif COVID-19 atau tidak. Dengan berbuat demikian, kita sebenarnya merumitkan masalah sedia ada melalui penyebaran fitnah yang akan mengakibatkan ketakutan dan menambah kegelisahan orang ramai. Banyak pemilik restoran yang terpaksa menanggung kerugian akibat maklumat palsu yang dikeluarkan oleh sesetengah netizen yang mengatakan kedai mereka telah dijangkiti Covid-10.

PENYELESAIAN

Bagi mengatasi isu-isu penularan palsu ini, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyediakan platform bagi melaporkan individu atau kumpulan yang menyebarkan berita palsu secara terus kepada mereka bagi diambil tindakan tegas. Pengguna boleh melayari laman web <http://aduan.skmm.gov.my/> atau mana-mana saluran aduan yang disediakan SKMM. Pihak SKMM akan menerima laporan dalam tempoh 3 hari beserta nombor rujukan laporan bagi tujuan semakan. Selain SKMM, inisiatif lain adalah melalui laporan kepada PDRM, KPDKK dan agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan dengan isu yang ingin dilaporkan. Bagi maklumat-maklumat yang tidak sahih yang disebarkan melalui SMS dan media sosial seperti maklumat palsu yang giat disebarkan oleh sesetengah pihak di media sosial boleh di ambil tindakan kerana ianya merupakan kesalahan jenayah di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Mereka yang melakukan kesalahan boleh disaman RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun atau kedua-duanya. Contohnya berdasarkan laporan Berita Harian bertarikh 11 Februari 2020, seorang pesara Jabatan Keretapi Negeri Sabah didenda RM5000 atau berhadapan penjara 10 bulan penjara jika gagal berbuat demikian bagi kesalahan menyebarkan berita palsu berhubung jangkitan Covid-19. Tertuduh Aliuddin Amit, 67 mengaku bersalah atas pertuduhan secara sedar mengedarkan satu kenyataan dalam aplikasi WhatsApp.

Namun, solusi untuk jangka masa panjang juga harus dipertimbangkan iaitu melalui kesedaran masyarakat. Masyarakat perlu mendidik dan membiasakan diri menyelidik dahulu maklumat yang diterima. Terutamanya maklumat berkaitan isu kesihatan seperti isu-isu yang di bangkitkan. Mereka perlu berepistemologi dengan membuat pembacaan ilmiah melalui saluran yang betul dan rujukan dengan lebih

lanjut dan mendapatkan fakta dan informasi dari sumber yang diyakini sah sahaja seperti portal Kementerian Kesihatan. Penggunaan kaedah epistemologi ini dapat dilakukan secara individu dan seterusnya disebarkan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan dan seterusnya masyarakat supaya sentiasa mencari fakta di sebalik maklumat yang diterima dari pelbagai medium. Kaedah ini boleh disampaikan dan diperingatkan kepada generasi-generasi seterusnya supaya masyarakat kita sentiasa cakna akan kewujudan berita palsu yang giat disebarkan terutama melalui media sosial seiring dengan revolusi teknologi yang pelbagai.

PROJEK (VIDEO)

https://youtu.be/SeYQ3oa4T_E

STORYBOARD




DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berfokus kepada tajuk kajian masalah iaitu Spekulasi Pengetahuan Kesihatan Dalam Masyarakat Moden. Oleh itu, pengumpulan data telah dilakukan dengan kaedah soal selidik melalui Google Form. Seramai 204 responden telah menjawab soalan-soalan ini yang berdasarkan tiga bahagian iaitu pergerakan kumpulan anti-vaksin, peranan doula sama seperti doktor sakit puan, dan penularan berita palsu tentang Covid-19. Seterusnya ialah hasil pengumpulan data yang telah direkod berdasarkan tiga isu yang dibincangkan di dalam kertas kajian ini serta soalan-soalan yang berkaitan:

i. Isu pergerakan kumpulan anti-vaksin

Have you ever encountered Anti-Vaxxer before?


204 responses



75% daripada 204 responden telah menyatakan tidak pernah berjumpa atau mengenali anti-vaxxer dan baki 25% pula telah berjumpa dengan segelintir masyarakat yang terlibat dengan pergerakan anti vaksin ini.

Do you acknowledge that vaccines do have side effects, but they're not as bad as what we have before vaccines?


204 responses



81.9% responden telah bersetuju bahawa vaksin mempunyai kesan sampingan dan walaupun begitu, vaksin merupakan rawatan yang terbaik untuk mencegah penyakit. Manakala 17.2% responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Where do you find credible vaccine information?


204 responses



Berdasarkan carta bar di atas, maklumat menunjukkan bagaimana responden mendapatkan maklumat yang sahih tentang vaksin. Responden mempunyai pelbagai cara untuk mengumpul maklumat tersebut. Kaedah yang paling tertinggi merupakan daripada media sosial sebanyak 66.2%, diikuti dengan institusi-institusi pendidikan dengan kadar 56.4%. Kaedah yang paling terendah merupakan daripada perkongsian maklumat

How do you think Anti-Vaxxer's movement widely spread?

204 responses




73.5% responden telah bersetuju bahawa perkembangan pergerakan anti-vaksin adalah melalui media sosial dan 16.7% melalui *social gathering* seperti kempen dan perjumpaan. 9.8% daripada mereka berpendapat pergerakan ini bergerak aktif di dalam institusi kekeluargaan.

ii. Peranan doula sama seperti doktor sakit puan

How much do you know about the role of doula and midwife during childbirth?


204 responses



56.4% responden kurang mengetahui apa itu peranan doula dan bidan semasa proses kelahiran anak dan hanya 11.8% sahaja mengetahui peranan-peranan mereka. Manakala 31.9% responden pula tidak mengetahui langsung apa itu doula dan bidan.


Do you believe that doula has similar role and duty as a midwife?

204 responses



52.7% mempercayai bahawa doula mempunyai peranan yang sama dengan bidan. 37.3% daripada mereka pula mengatakan tidak.


If you're a pregnant woman, would you consider hiring a doula as a companion after delivery?
204 responses



50% responden mungkin akan memilih untuk menggunakan khidmat doula semasa proses melahirkan anak. Dan 24% memilih untuk tidak menggunakan doula manakala 26% akan menggunakan perkhidmatan mereka.

iii. Penularan berita palsu tentang Covid-19


Do you think the information from the Ministry of Health of Malaysia (MOH) is adequate to keep you up to date about the covid-19 in Malaysia?
204 responses



89.2% responden telah menyatakan bahawa maklumat tentang Covid-19 melalui MOH adalah kukuh untuk mengetahui keadaan pandemik di Malaysia manakala 9.3% kurang pasti terhadapnya.

Do you make further research when you have received new information about covid-19? Or you just ignore it and assume it is false information?


204 responses



82.8% membuat kajian lanjut apabila menerima sesuatu maklumat tentang Covid-19 dan 17.2% berprasangka bahawa maklumat yang diterima adalah palsu.

Why do you think some group of people assume the Covid-19 is a hoax or a conspiracy to control the general public?


204 responses



31.4% percaya bahawa golongan masyarakat yang mempercayai berita palsu mengenai Covid-19 ini adalah kerana penyebaran virus ini disengajakan. 28.9% pula akibat terpengaruh dengan penularan maklumat di media sosial manakala 25% memilih untuk menolak fakta bahawa virus ini bahaya.

Will you and your family get vaccinated once the Covid-19 vaccine is available?

204 responses



72.5% responden memilih untuk mendapat vaksin setelah ia berjaya dicipta bagi mengelakkan jangkitan virus dan 23.5% masih tidak dapat membuat keputusan. 8% responden tidak akan mengambil vaksin tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kesimpulan yang dapat dibuat ialah kesemua isu semasa yang dikaji telah berjaya menemui jalan penyelesaian. Seperti yang telah dinyatakan, fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk memastikan penularan berita palsu dapat dikurangkan dan masyarakat perlu sentiasa mengambil tahu sejauh mana kesahihan berita yang dibaca oleh mereka. Kes-kes penyebaran informasi yang tidak sah yang berleluasa pada abad ini terutama melalui platform media sosial, memerlukan kita mengaplikasikan konsep epistemologi dalam kehidupan seharian. Epistemologi merupakan salah satu dari cabang falsafah yang membincangkan makna, kesahihan, sumber dan proses mendapatkan ilmu. Ianya penting untuk kita mengesahkan kesahihan sesuatu ilmu atau maklumat yang diterima terutama aspek kesihatan yang dapat menimbulkan panik di kalangan masyarakat seperti vaksinasi, doula, dan Covid-19. Melalui media sosial, dalam era pandemik dan vaksinasi Covid-19 ini, rata-rata pengguna dapat dilihat membuat dan menyebarkan kesimpulan sendiri tanpa mengetahui apa yang mereka baca itu sah atau tidak dan secara tidak langsung pengguna lain juga menyebarkan berita palsu apabila mereka juga tidak mengamalkan konsep epistemologi. Modus operandi ini akan berulang dari generasi ke generasi selagi kita tidak sedar akan pentingnya konsep epistemologi dalam kehidupan.

Oleh itu, masyarakat pada hari ini perlu membuat pembacaan lanjut mengenai maklumat atau ilmu yang mereka terima. Bukan sahaja dapat mengetahui kesahihan ilmu tersebut, bahkan juga semakin kita menggali dan mencari maklumat di sebalik maklumat yang diterima, kita akan semakin bertambah ilmu. Pengaplikasian konsep epistemologi ini dapat membantu masyarakat untuk lebih bertamadun dan cakna untuk jangka masa panjang serta generasi akan datang.

RUJUKAN

Apakah langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk melaporkan aduan berkaitan kandungan di inte | Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC). (2013). Retrieved January 25, 2021, from Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC) | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) website: <https://www.mcmc.gov.my/ms/faqs/online-content-problems/what-are-the-steps-required-for-me-to-lodge-compla>

Berhenti Sebar SMS Palsu Atau Sedia Didakwa - SKMM | Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC). (2021). Retrieved January 25, 2021, from Malaysian Communications And Multimedia Commission (MCMC) | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) website: <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/berhenti-sebar-sms-palsu-atau-sedia-didakwa-skmm>

BERNAMA. (2020, September 2). Penyebaran maklumat salah, berita palsu boleh jejas kekuatan ekonomi. Retrieved January 25, 2021, from BERNAMA website: https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1812550

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2012). Carian Umum. Retrieved January 25, 2021, from Dbp.gov.my website: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengetahuan+&d=175768&>

Mohd, W. (2020, October 23). Usah rumitkan keadaan dengan sebar berita palsu. Retrieved January 25, 2021, from Berita Harian website:

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/10/745207/usah-rumitkan-keadaan-dengan-sebar-berita-palsu>

Pendidikan kesihatan penting dalam masyarakat. (2017, September 18).

Retrieved January 25, 2021, from Utusanborneo.com.my website:

<https://www.utusanborneo.com.my/2017/09/18/pendidikan-kesihatan-penting-dalam-masyarakat>

Pesara didenda RM5,000 sebar berita palsu Covid-19. (2020, February 12).

Retrieved January 25, 2021, from Berita Harian website:

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/654928/pesara-didenda-rm5000-sebar-berita-palsu-covid-19>